

Media digital dalam pembangunan komuniti perempuan Melayu

ABSTRAK

Kajian ini melibatkan 120 komuniti perempuan Melayu yang berumur dari 20 hingga 50 tahun di kawasan sekitar Serdang Raya, Sri Serdang dan Seri Kembangan, Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis media digital yang digunakan oleh komuniti perempuan Melayu serta membincangkan kegunaan media digital terhadap pembangunan diri dalam era digital. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang diedarkan kepada subjek yang terlibat dan temu bual dirakam bagi tujuan kajian ini. Interaksi temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis Wacana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komuniti perempuan Melayu menggunakan media digital untuk pembangunan sahsiah diri dan mereka berjaya menggunakan media digital tersebut dengan beretika. Kajian ini diharapkan dapat memberikan perangsang kepada komuniti perempuan Melayu untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengikut peredaran semasa.

Keyword: Digital media; Community growth; Malay female; Personality